



## LAMPIRAN PENYATAAN PRODUK untuk Polisi Pampasan Pekerja

**NOTA PENTING:** Sila baca Lampiran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Pampasan Pekerja ini. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

### 1. Apakah perincian produk ini?

Produk ini melindungi anda sebagai majikan berkenaan dengan liabiliti perundangan di bawah Undang-undang Pampasan Pekerja dan Undang-undang Am terhadap para pekerja anda yang tidak dilindungi di bawah PERKESO.

### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini membayar ganti rugi kepada anda terhadap liabiliti perundangan untuk membayar pampasan dan kos serta perbelanjaan yang terlibat terhadap liabiliti yang timbul berkaitan kecederaan disebabkan kemalangan atau penyakit yang timbul daripada atau ketika bekerja dengan anda.

Tempoh perlindungan ialah 1 tahun dan anda perlu memperbaharui polisi ini secara tahunan.

#### Bidang Kuasa

Polisi ini tertakluk kepada bidang kuasa di dalam Malaysia sahaja.

### 3. Berapakah jumlah premium yang harus saya bayar?

Caj premium yang dikenakan berbeza-beza mengikut faktor-faktor tertentu. Berikut adalah kriteria utama dalam menentukan nilai premium

- Had Liabiliti / Had Perundangan Umum
- Anggaran Upah/Pendapatan Tahunan

Jumlah premium = Anggaran Upah / Pendapatan Tahunan x Kadar Digunakan.

Bagi risiko berkaitan projek, Anggaran Upah / Pendapatan biasanya adalah berdasarkan nilai minimum 20% hingga 30% daripada nilai kontrak.

### 4. Apakah jumlah yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

- Cukai Perkhidmatan 5% daripada Premium
- Duti Setem RM10.00 untuk mengesahkan kontrak
- Komisen ejen sebanyak 25% adalah termasuk di dalam polisi anda apabila melibatkan seorang pengantara

### 5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ketahui?

#### **Kepentingan membuat Pendedahan**

- Anda perlu mendedahkan kesemua fakta material yang anda ketahui atau perlu ketahui; atau polisi anda boleh menjadi tidak sah.

#### **Rekod Tersusun bagi Upah Gaji/Pendapatan Lain**

Anda perlu menyimpan rekod yang tersusun bagi setiap pekerja bersama-sama dengan jumlah upah gaji dan pendapatan lain. Anda harus membekalkan kepada kami upah gaji sebenar dan pendapatan lain yang dibayar sepanjang Tempoh Diinsuranskan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh luput polisi ini.

#### **Tiada Pengakuan Liabiliti**

Anda tidak harus mengaku liabiliti, menawarkan janji atau bayaran kepada yang menuntut tanpa kebenaran bertulis dari kami.

#### **Jaminan Premium**

- Jumlah premium perlu dibayar dan diterima oleh penginsurans dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh bermulanya polisi ini/pengelesen/sijil pembaharuan.
- Kegagalan membayar premium tersebut pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan kontrak serta-merta dan AmG berhak ke atas jumlah pro-rata premium pada tempoh anda di dalam risiko.

Nota : Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi terma dan syarat-syarat yang terkandung di bawah polisi ini.

**6. Apakah merupakan pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi:

- Liabiliti yang diandaikan dari perjanjian
- Peperangan, Perang Saudara
- Seorang pekerja yang tidak dianggap sebagai 'Pekerja' di dalam konteks perundangan
- Kemalangan radioaktif dan senjata bahan nuklear
- Ancaman Keganasan
- Asbestos

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Sebaik pembatalan, anda akan menerima pulangan bayaran premium berdasarkan kadar tempoh pendek\* selama mana tempoh polisi telah berkuatkuasa. Sebarang nilai premium minimum yang dibayar di bawah polisi ini tidak akan dipulangkan. Tiada premium akan dikembalikan jika terdapat tuntutan yang pernah dibuat di bawah polisi ini.

**\*Jadual Kadar Tempoh Pendek**

Tempoh tidak melebihi	Premium Tahunan Yang Dikembalikan
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada pulangan bayaran

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika berlaku perubahan kepada maklumat terperinci saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

**9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans Liabiliti Pampasan Pekerja, sila rujuk buku panduan infoinsurans yang boleh didapati di semua cawangan kami. Anda juga boleh mendapatkan salinan buku tersebut daripada ejen insurans yang berkenaan atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**AmG Insurance Berhad**  
Tingkat 9, Bangunan AmAssurance,  
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia

**Pusat Perkhidmatan Pelanggan**  
Tingkat Bawah, Bangunan AmAssurance  
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.  
Tel: 1 300 80 3030 Faks: (603) 21713030  
E-Mel: [amassurance-general@ambankgroup.com](mailto:amassurance-general@ambankgroup.com)  
Laman web: <https://www.amassurance.com.my>

**10. Adakah jenis perlindungan Insurans Liabiliti Pampasan Pekerja lain yang serupa di pasaran?**

- Polisi Liabiliti Majikan
- Skim Pampasan Pekerja Asing

**NOTA PENTING:**

**ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**